

ISU-ISU SYARIAH DALAM PELABURAN EMAS SECARA DIGITAL DI MALAYSIA

SHARIA ISSUES IN DIGITAL GOLD INVESTMENT IN MALAYSIA

Che Adenan Mohammad*

Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

Faisal Husen Ismail

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Minden,
11800, Penang, Malaysia

Ahmad Sharifuddin Mustapha

Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar

Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

Muhammad Masruri

Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

**Corresponding Author's Email: adenan@uthm.edu.my*

Article History:

Received : 26 August 2025

Accepted : 3 Novemberr 2025

Published : 24 December 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Mohammad, C. A., Ismail, F. H., Mustapha, A. S., Syed Abu Bakar, S. K. & Masruri, M. (2025). Isu-Isu Syariah dalam Pelaburan Emas Secara Digital Di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan*, 10(2), 56-69.

ABSTRAK

Pelaburan emas adalah salah satu instrumen pelaburan yang semakin rancak disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat dalam negara mahupun luar negara. Penyertaan ini

bukan sahaja daripada institusi kewangan, tetapi juga melibatkan syarikat-syarikat kewangan dan individu tertentu. Pelaburan emas dalam sistem kewangan Islam mempunyai prinsip dan kriteria tertentu yang perlu dipatuhi, untuk memastikan produk, teknik dan bentuk-bentuk transaksi patuh syariah. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis beberapa isu syariah terkait salah satu bentuk pelaburan emas, iaitu produk pelaburan emas secara digital yang aktif dilaksanakan di Malaysia. Parameter yang digunakan dalam analisis ini adalah mengikut panduan parameter pelaburan emas yang diparakukan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Bentuk kajian ini dibuat dalam tiga pembahagian utama. Bahagian pertama berkaitan pelaburan emas secara umum mengikut perspektif syariah. Bahagian kedua menerangkan bentuk-bentuk pelaburan emas yang dijalankan di Malaysia. Dan bahagian yang ke tiga memaparkan beberapa bentuk produk, pelan pelaburan emas secara digital untuk dianalisis dari sudut perspektif syariah berpandukan kepada panduan parameter pelaburan emas patuh syariah. Kajian mendapati wujud beberapa bentuk pelaburan emas secara digital yang menepati hukum hakam syariah, dan sebahagian yang lain memerlukan kepada beberapa pemurnian teknik dan bentuk transaksi supaya selari dengan parameter pelaburan emas yang telah digariskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Kata kunci: analisis syariah, pelaburan emas secara digital, parameter pelaburan emas

ABSTRACT

Gold investment is one of the investment instruments that is increasingly popular among various segments of society, both domestically and internationally. This participation is not only from financial institutions, but also involves financial companies and certain individuals. Gold investment in the Islamic financial system has specific principles and criteria that must be adhered to, to ensure that products, techniques, and forms of transactions are Shariah-compliant. The objective of this study is to analyse several Shariah issues related to one form of gold investment, namely digital gold investment products that are actively implemented in Malaysia. The parameters used in this analysis are based on the guidelines for gold investment parameters issued by the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs of Malaysia. The structure of this study is divided into three main sections. The first part deals with gold investment in general from a Shariah perspective. The second part explains the forms of gold investment carried out in Malaysia. And the third section presents several forms of digital gold investment products and plans for analysis from a Shariah perspective, based on the guidelines for Shariah-compliant gold investment parameters. The study found that several forms of digital gold investment exist that comply with Sharia law, while others require some technical and transactional refinements to align with the parameters of gold investment outlined by the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs of Malaysia.

Keywords: Sertu, Halal industry, challenges

1.0 PENGENALAN

Pelaburan emas merupakan salah satu instrumen kewangan yang stabil dan diyakini oleh masyarakat umum, khususnya dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia. Di Malaysia, emas bukan sahaja dilihat sebagai aset lindung nilai terhadap inflasi dan ketidakpastian ekonomi, tetapi turut mendapat perhatian kerana kedudukannya sebagai barang ribawi yang memerlukan pematuhan ketat terhadap prinsip Syariah. Seiring dengan kemajuan teknologi kewangan (*fintech*), bentuk pelaburan emas semasa telah bertransformasi daripada urusan niaga fizikal tradisional kepada platform digital yang lebih mudah diakses, pantas, serta mesra pengguna. Dengan fenomena ini, banyak produk baharu telah diperkenalkan, seperti dana pelaburan emas patuh Syariah, akaun emas digital, dan dana dagangan bursa (ETF) berasaskan emas yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam.

Walau bagaimanapun, transformasi digital ini juga menimbulkan beberapa isu Syariah yang penting. Antara isu utama yang sering dibincangkan ialah pematuhan kepada perjanjian akad jual beli emas (*bai' al-sarf*), yang memerlukan serah terima (*taqabud*) secara segera, ketelusan dalam struktur pelaburan, jaminan pemilikan emas sebenar, serta risiko penyelewengan melalui skim pelaburan tidak berlesen yang mendakwa patuh Syariah. Perkembangan semasa menunjukkan bahawa pihak berautoriti seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (*Security Commission*), Bank Negara Malaysia (BNM), dan institusi penasihat Syariah semakin giat mengeluarkan parameter dan garis panduan Syariah untuk memperkukuhkan keyakinan pelabur-pelabur samada Muslim atau bukan Muslim. Justeru, adalah penting untuk menjalankan penyelidikan secara menyeluruh terhadap isu-isu Syariah berkaitan pelaburan emas secara digital di Malaysia untuk menjamin status patuh syariah kontrak muamalat, melindungi kepentingan pelabur dan membantu dalam pembangunan dan pemerkasaan sistem kewangan Islam dalam negara dan di peringkat global.

Pelaburan emas telah lama dianggap sebagai salah satu instrumen pelaburan yang stabil dan sangat diyakini nilainya dalam jangka panjang (Yeniley, A., 2025). Dengan perkembangan teknologi kewangan (*fintech*), transaksi emas telah berubah daripada kaedah pelaburan emas tradisional kepada bentuk digital dengan menggunakan pelbagai platform atas talian. Dengan strategi pelaburan begini, pengguna boleh membeli, menyimpan, menjual dan melabur emas secara maya tanpa memilikinya secara fizikal. Dengan kemunculan pelbagai platform seperti HelloGold, Quantum Metal, dan Wahed Gold, dalam pasaran Malaysia ia menunjukkan telah mengalami peningkatan yang sangat ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Dari aspek fiqh muamalat, emas tergolong dalam kategori ribawi yang tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat dalam akad pertukaran yang dikenali sebagai *bay' al-sarf*. Syarat-syarat ini termasuk keperluan memenuhi syarat penyerahan segera (*taqabud*) dan melindungi unsur-unsur riba sama ada riba *al-fadl* atau riba *al-nasiah*. Kajian terdahulu banyak menumpukan pada isu pelaburan emas konvensional dan fungsi emas sebagai alat penyokong nilai (*hedging instrument*). Walaupun, masih terdapat sedikit perbincangan mengenai struktur akad dan pemilikan dalam sistem pelaburan emas digital. Banyak kajian sedia ada mengutamakan aspek teknikal, keselamatan transaksi dan potensi ekonomi

pelaburan emas digital. Walau bagaimanapun, mereka tidak menjelaskan dengan terperinci berkaitan konsep kaedah penyerahan hakiki dan hukmi (*qabḍ haqiqi/hukmi*) yang digunakan dalam platform digital. Sama ada pelabur benar-benar memiliki emas fizikal yang dibeli secara maya atau hanya memegang sijil representatif sahaja, perkara ini masih menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana dan penggiat industri.

Selain itu, terdapat perbezaan dalam kerangka perundangan dan garis panduan Syariah. Walaupun, garis panduan umum mengenai urus niaga emas telah dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, namun belum ada peraturan Syariah khusus yang mengawal selia pelaburan emas digital secara menyeluruh. Ketiadaan garis panduan ini menyebabkan wujud ketidaksamaan amalan antara platform dan menyukarkan pelabur untuk menilai sejauh mana produk-produk pelaburan emas digital memenuhi status patuh Syariah. Lebih-lebih lagi, majoriti kajian yang sedia ada bersifat normatif dan menilai hukum berdasarkan teks klasik tanpa mengambil kira aspek teknologi dan bentuk kontrak digital kontemporari. Kekurangan pendekatan interdisiplinari yang menggabungkan fiqh, undang-undang kewangan dan kemajuan teknologi kewangan (*fintech*), menyebabkan pemahaman tentang isu Syariah dalam pelaburan emas digital masih belum mencapai tahap status produk pelaburan patuh syariah sepenuh berbanding produk-produk pelaburan kontemporari lain berasaskan emas yang sedia ada dalam pasaran.

Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk meneliti aspek akad dan pemilikan (*العقد والملك*) yang merupakan antara isu-isu Syariah utama yang timbul dalam bentuk pelaburan emas digital di Malaysia. Analisis ini akan menilai sejauh mana struktur pelaburan emas digital selaras dengan perinsip fiqh muamalat Islam dan mengenal pasti cabaran praktikal dalam pasaran pelaburan emas digital semasa untuk memastikan kepatuhan Syariah sepenuhnya. Diharapkan hasil kajian ini dapat membantu mewujudkan garis panduan pematuhan Syariah yang lebih jelas. Selain itu, ia akan membantu pihak berkuasa dan pihak industri *fintech* Islam ke arah memperkukuh keyakinan pelabur Muslim terhadap kredibiliti instrumen pelaburan moden ini. Walaupun pelaburan emas secara umumnya mempunyai potensi yang besar untuk menjana pulangan jangka panjang, namun, memastikan pematuhan terhadap prinsip Syariah kekal menjadi tanggungjawab utama yang tidak boleh diabaikan (Nordin et al., 2015).

2.0 PELABURAN EMAS SECARA DIGITAL

Pelaburan emas secara digital ialah istilah yang merujuk kepada urus niaga yang melibatkan pembelian, pemilikan dan perdagangan emas yang direkodkan, dikendalikan dan diperdagangkan melalui platform elektronik seperti portal dalam talian atau aplikasi mudah alih. Pelabur tidak perlu menyimpan emas secara fizikal atau menyimpan sendiri jongkong emas atau melakukan serahan fizikal emas segera (MyBursa, 2025). Dalam ekosistem *fintech* Islam, jenis pelaburan ini berkembang pesat dan memunculkan pelbagai model. Ini termasuk emas yang ditetapkan (*allocated gold*), yang merupakan emas fizikal yang diberikan kepada setiap pelabur dengan unit emas yang ditandakan, dan emas yang tidak ditetapkan (*unallocated*

gold), yang merupakan pool emas yang dikongsi oleh pelabur dan memberikan kepada pelabur pelbagai hak tetapi tidak terhad kepada kepingan emas tertentu.

Dari perspektif fiqh muamalat, emas dikategorikan sebagai “barangan ribawi” (*al-amwāl al-ribāwiyyah*) yang memerlukan pematuhan syarat jual beli khas untuk memastikan ia sah dari sudut syariah. Antaranya ialah bebaskan daripada unsur riba, gharar (ketidakpastian), pemindahan hak milik yang sebenar (*tamlik*) kepada pembeli dan serahan yang realiti ataupun secara hukum (*taqabudh*) supaya berlaku pertukaran yang sah secara syariah. Ulama Islam seperti Imam Ibn Taymiyyah (1995) dan lainnya menegaskan pemilikan emas hendaklah dipindahkan secara langsung kepada pembeli tanpa sebarang penangguhan.

Menurut standard antarabangsa seperti AAOIFI Shari'ah Standard on Gold (AAOIFI, 2016), untuk memastikan transaksi emas dianggap sah, pelanggan mesti mempunyai hak milik penuh terhadap emas, sama ada secara fizikal atau melalui pengesahan hukum, dan transaksi tidak boleh mengandungi unsur riba, gharar atau maisir. Antara kelemahan model pelaburan emas digital apabila wujud unsur gharar (ketidakpastian) atau seumpama *bai' mā lā yamlik* (jualan sesuatu yang belum dimiliki) boleh menjejaskan model pelaburan ini kerana tidak menunjukkan bukti pemilikan sebenar atau serahan yang tertangguh.

Dalam konteks Malaysia, pelaburan emas digital sangat mendapat perhatian yang semakin meningkat dalam kalangan pelabur-pelabur dalam negeri dan institusi kewangan Islami. Tinjauan oleh Mas'ad, Rozali, Wan Ismail & Johari (2024) dalam kajian “*Gold Investment Practices in Malaysia: A Shariah Review*” mendapati bahawa pelaburan emas dilihat sebagai instrumen yang baik dan patuh syariah secara amnya. Walau bagaimanapun, mereka mencadangkan elemen pemilikan, pemindahan hak milik dan pengurusan perlu menjadi fokus utama dalam produk pelaburan emas secara digital (Mas'ad et al., 2024). Ini menunjukkan bahawa walaupun elemen tertentu patuh syariah dan boleh dilaksanakan secara meluas, namun pelaksanaan praktikal terutamanya dalam platform digital masih memerlukan penilaian yang lebih mendalam.

Menurut kajian terkini oleh Sehak, Muhammad, Mohd Salleh & Halim (2025) dalam artikel “*Shariah-Compliant Digital Gold Saving: A Bibliometric Analysis*” menganalisis literatur dari 2020 hingga 2024 berkaitan simpanan emas digital yang patuh syariah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kecenderungan penyelidikan masih tertumpu kepada aspek teknikal dan fintech, manakala kajian dari sudut struktur akad, pemilikan dan audit emas masih kurang (Sehak et al., 2025). Ini menunjukkan wujud jurang penyelidikan khususnya dalam aspek peraturan dan garis panduan serta implikasi maqasid al-Shariah.

Dari sudut model perniagaan platform, banyak kajian kes telah meneliti konsep struktur pelaburan emas digital diurus. Contohnya, kajian “*Digital Gold Investment Platform in Shariah Perspective: A Case Study of Quantum Metal Sdn. Bhd.*” oleh Zakir, Zaharuddin, Salleh, Manan & Hasbullah (2023) menyatakan walaupun platform tersebut menawarkan kemudahan pelaburan emas secara digital, namun terdapat isu berkaitan serahan fizikal emas (*taqabudh*), bukti pemilikan spesifik dan pengasingan aset pelanggan daripada aset syarikat (Zakir et al., 2023). Banyak platform digital memilih model *allocated* kerana ia lebih murah dan lebih fleksibel, tambahan model ini mempunyai bukti fizikal yang jelas lebih dan mudah untuk memenuhi prinsip *tamlik* dan *taqabudh* berbanding model *unallocated*.

Walaupun begitu, kebanyakan platform dalam industri memilih model *unallocated* kerana kosnya lebih murah dan fleksibilitinya tinggi, tetapi ia menimbulkan risiko dari segi syariah.

Dari sudut pengawalseliaan dan rangka perundangan di Malaysia, platform pelaburan digital emas perlu merai keperluan pendaftaran dan pengawasan oleh badan berautoriti dalam pengawalseliaan seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan Securities Commission Malaysia (SC). Untuk itu keperluan untuk mendapatkan status patuh syariah, produk emas digital mesti mempunyai cagaran fizikal yang disahkan bersama bukti pemilikan yang jelas. Lebih-lebih lagi, Bank Rakyat pada April 2025 telah menyatakan mengenai pelancaran “eGold Account-i” yang didakwa patuh syariah juga disokong oleh emas fizikal 999.9 yang boleh ditebus dalam bentuk fizikal (Bank Rakyat, 2025). Ini menunjukkan institusi kewangan di Malaysia mula mengambil serius aspek ini.

Dari sudut *maqasid al-Shariah*, pelaburan emas digital yang patuh syariah dengan sempurna bukan sahaja memenuhi syarat teknikal akad jual beli tetapi ia juga turut menyumbang kepada objektif syariah seperti *hifz al-māl* (pemeliharaan harta), *adl* (keadilan) dan kestabilan ekonomi (*istiqrār al-iqtisād*). Menurut Nurdin (2025) bahawa apabila pelaburan digital emas dicipta dengan pemilikan yang jelas, penyimpanan yang selamat, dan pengurusan risiko yang sistematik, maka ia mampu menyumbang manfaat sosial dan ekonomi yang lebih luas seperti akses pelaburan kepada pelabur runcit (Nurdin, 2025). Walaupun begitu, banyak produk pelaburan emas digital masih gagal merealisasikan aspek ini kerana kekurangan peraturan khusus dan ketidakpastian dari sudut pemilikan fizikal.

Walaupun literatur yang lepas banyak membincangkan aspek penting, namun masih terdapat beberapa jurang kajian (*research gap*) yang jelas dan memerlukan penelitian lanjut. Pertama, kurangnya kajian empirikal yang membuat penilaian dari sudut pelaksanaan sebenar prinsip *taqabudh* dalam platform emas digital. Kedua, dari sudut audit bebas terhadap emas yang disimpan oleh *custodian* atau penyedia platform masih kurang didokumentasikan sedangkan bukti pemilikan fizikal dan pengasingan aset pelanggan adalah faktor utama kepada pematuhan syariah.

Secara keseluruhannya, literatur lepas mengisytarkan bahawa pelaburan emas secara digital mempunyai potensi yang sangat besar sebagai instrumen kewangan Islamik moden yang sesuai dengan pelabur generasi baru melalui platform fintech. Namun untuk menepati kehendak syariah dan perundangan secara berkesan, produk-produk tersebut perlu memenuhi syarat pemilikan sebenar (*tamlik*), serahan atau hak tuntutan yang jelas (*taqabudh*), pengasingan aset pelanggan daripada aset penyedia, audit berkala serta pendaftaran dan pematuhan kepada garis panduan dan peraturan pihak berautoriti dalam negara. Jika syarat ini dipenuhi, pelaburan emas digital mampu menjadi pelaburan alternatif patuh syariah yang berdaya saing dan memberi manfaat yang luar biasa kepada pelabur-pelabur.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan menumpukan pada analisis dokumen terhadap sumber-sumber sekunder yang berkaitan. Metodologi ini dipilih kerana penyelidik boleh meneliti secara menyeluruh isu-isu Syariah berkaitan

pelaburan emas secara digital di Malaysia, berdasarkan data dan dokumen sedia ada tanpa perlu menjalankan kajian lapangan atau temu bual yang baru.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dengan pendekatan analisis dokumen. Menurut Bowen (2009), menyatakan bahawa analisis dokumen ialah satu pendekatan sistematik untuk mengkaji kandungan dan makna dokumen bertulis dalam usaha untuk memahami fenomena atau institusi sosial. Untuk kajian ini, penyelidik meneliti dan menganalisis isu-isu Syariah yang timbul dalam pelaburan emas digital di Malaysia. Ini termasuk laporan institusi, dokumen fatwa, dan kajian akademik. Dengan menggunakan sumber yang sahih dan berautoriti, ia membolehkan penyelidik memahami struktur akad, cara pemilikan dan potensi ketidakpatuhan Syariah dalam produk pelaburan emas digital.

3.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah sebagaimana berikut:

- i. Mengenal pasti bentuk akad dan struktur pelaburan emas digital berdasarkan dokumen rasmi dan literatur akademik.
- ii. Menganalisis isu-isu Syariah utama seperti pemilikan (*al-milk*), serahan (*taqabudh*), unsur *gharar*, dan *riba* yang timbul dalam pelaburan emas digital.
- iii. Menilai sejauh mana struktur dan operasi pelaburan emas digital di Malaysia selari dengan prinsip syariah.

3.3 Sumber Data Kajian

Kajian ini menggunakan data sekunder sepenuhnya. Data sekunder ialah maklumat yang telah diterbitkan atau dikumpul oleh pihak lain dan digunakan untuk tujuan analisis akademik (Creswell & Poth, 2018). Sumber data dalam kajian ini terbahagi kepada tiga kategori utama:

- i. Dokumen Institusi dan Perundangan yang merangkumi, terma dan syarat pelaburan, *Product Disclosure Sheet*, dan laporan tahunan daripada platform emas digital seperti Quantum Metal, HelloGold dan KAB Gold. Garis panduan rasmi daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Dokumen audit pemegangan emas dan laporan pematuhan Syariah daripada pihak institusi kewangan Islam.
- ii. Dokumen Syariah dan Fiqh yang melibatkan Fatwa, resolusi dan pandangan hukum daripada badan berautoriti seperti Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia, *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) dan Majma' Fiqh Islami. Selain itu, Kitab fiqh klasik dan kontemporari seperti karya Ibn Qudāmah, Ibn Taymiyyah, dan al-Zuhaili berkaitan urusan niaga emas dan *bay' al-sarf* turut akan digunakan.

- iii. Literatur Akademik dan Industri seperti artikel jurnal, buku akademik, tesis dan laporan penyelidikan mengenai pelaburan emas digital dan kewangan Islam.

3.4 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data dijalankan secara sistematik iaitu dengan mengenalpasti dokumen relevan melalui carian kata kunci yang sesuai dengan tajuk kajian untuk menjejak bahan berkaitan.

3.5 Kaedah Analisis Data

Data yang dikenalpasti akan dianalisis menggunakan analisis kandungan (*content analysis*) dan analisis tematik (*thematic analysis*) seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Cara ini membolehkan penyelidik mengenal pasti pola, tema, dan makna dalam dokumen yang dikaji.

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Walaupun kajian ini menggunakan data sekunder, prosedur berikut diambil untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan. Pertama Triangulasi sumber dengan membandingkan maklumat daripada pelbagai dokumen seperti fatwa, laporan industri dan artikel ilmiah. Setelah itu, semua peringkat pengumpulan dan analisis data didokumentasikan dengan jelas untuk memastikan ketelusan.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Berikut ialah beberapa dapatan kajian berkaitan dengan isu dan cadangan alternatif dibincangkan seperti berikut:

- i. Fokus utama pada sub topik ini adalah hasil analisis terhadap isu-isu Syariah dalam pelaburan emas digital di Malaysia. Analisis ini menggunakan data sekunder seperti dokumen Syariah, laporan Bank Negara Malaysia (BNM), garis panduan AAOIFI dan kajian ilmiah akademik tempatan dan antarabangsa.
- ii. Empat tema utama pula adalah menjadi tumpuan analisis ini: iaitu struktur akad; pemilikan (*al-milk*); serahan (*taqabudh*); dan isu riba dan gharar. Manakala setiap tema dibincangkan pula dengan membandingkan prinsip fiqh muamalat dengan cara pelaburan emas digital di Malaysia hari ini.

4.1 Pelaburan Emas Digital di Malaysia

Pelaburan emas digital telah muncul sebagai pelaburan alternatif yang semakin mendapat sambutan dalam kalangan pelabur-pelabur dan pengguna Muslim di Malaysia khususnya. Platform digital yang wujud dalam pasaran seperti HelloGold, Quantum Metal, Wahed Gold dan Public Gold Dinar Digital menawarkan kemudahan pembelian, penjualan emas dan penyimpanan secara dalam talian.

Melalui kaedah ini pelabur-pelabur dapat membeli pecahan kecil emas (contohnya 0.01 gram) tanpa perlu menyimpan emas fizikal (Hamdan et al., 2025).

Laporan BNM (2022) menyatakan bahawa transaksi emas digital termasuk dalam kategori pelaburan berasaskan aset sebenar (*asset-backed investment*). Namun, pematuhan Syariah masih bergantung kepada struktur kontrak dan kaedah transaksi dijalankan. Bagi pelabur Muslim, perkara yang paling penting bukan sekadar keuntungan tetapi sejauh mana transaksi itu mematuhi hukum jual beli emas yang merupakan jual beli barang ribawi. Dalam konteks ini, kesahihan akad, pemilikan dan bentuk serahan adalah perkara paling penting yang perlu dipertimbangkan dalam situasi ini.

4.2 Isu Akad Dalam Pelaburan Emas Digital

Kajian ini mendapati bahawa bentuk jenis akad yang digunakan dalam skim pelaburan emas digital di Malaysia berbeza antara satu platform dengan platform yang lain. Sebahagian daripada mereka menggunakan struktur akad (*bay' al-sarf*) jual beli mata wang dan logam berharga, sementara yang lain menggunakan *wakalah* (agensi) atau *murabahah* (jual beli berasaskan kos tambah keuntungan). Menurut Ibn Qudāmah (1997), Untuk mengelakkan riba *nasiah* dalam transaksi *al-sarf*, maka syarat utamanya adalah pertukaran mesti berlaku secara *yadan bi-yadin*, atau serahan serta-merta. Walau bagaimanapun, isu timbul dalam transaksi digital apabila pembayaran dan pemindahan pemilikan tidak berlaku serentak.

Kajian oleh Mas'ad, Ibrahim dan Azhar (2024) mendapati bahawa kebanyakan platform transaksi digital tidak menjelaskan dengan baik jenis akad yang digunakan. Maka pasti terdapat unsur-unsur ketidakpastian (*Gharar*) kerana berlaku ketidakpastian pada status transaksi dan hak milik. Tambahan pula, seperti yang dinyatakan oleh AAOIFI (2020) dalam Syariah Standard No. 57, bahawa sebarang transaksi yang melibatkan emas mesti memenuhi syarat taqabudh *haqiqi* (serahan sebenar) atau *taqabudh hukmi* (serahan perundangan) yang diiktiraf secara sah. Oleh itu, untuk mengelakkan keraguan (*shubhah*) dalam transaksi, penentuan akad yang jelas adalah keperluan utama. Dalam kes di mana platform berfungsi sebagai ejen kepada pelabur, akad wakalah mesti dinyatakan dengan jelas, termasuk kuasa dan tanggungjawab wakil. Walau bagaimanapun, menurut al-Zuhayli (2003), akad bay' al-sarf mesti disahkan melalui taqabudh yang sah jika platform menjual emas daripada stok miliknya.

4.3 Isu Pemilikan (Al-Milk) dan Hak Terhadap Aset Fizikal

Dalam muamalat Islam, pemilikan, atau *al-milk*, adalah prinsip yg penting. Jika pelabur hanya menerima bukti pemilikan digital semata-mata tanpa memegang emas fizikal, maka pasti terdapat masalah dalam konteks transaksi emas digital. Menurut Aminuddin, Ahmad dan Abdul Hamid (2023), sebahagian besar platform yang melakukan transaksi emas digital seperti platform Quantum Metal menyimpan emas pelanggan mereka melalui pihak ketiga seperti Brinks Vault Singapore atau BullionStar, dan pelanggan sama sekali tidak tahu secara khusus fizikal emas yang mereka miliki. Sebagai contoh platform HelloGold turut menggunakan

perkhidmatan pihak ketiga, iaitu BullionStar di Singapura bertujuan penyimpanan emas fizikal pelabur (The Edge Malaysia, 2022).

Menurut al-Zuhayli (2003), pemilikan penuh (*milkiyyah tammah*) hanya dikira sah apabila pemilik mempunyai kuasa penuh terhadap aset tersebut, sama ada secara fizikal (*qabdh hakiki*) atau simbolik (*qabdh hukmi*). Jika emas disimpan secara pukal (*pooled storage*) dan pelabur hanya mempunyai "hak tuntutan" terhadap sejumlah gram emas tanpa identifikasi khusus (*ta'yin*), maka pemilikan emas itu tidak memenuhi syarat fiqh. Sebuah kajian oleh Juisin (2021) mendapati bahawa pemilikan digital tanpa sokongan emas fizikal boleh menyebabkan ketidakpastian (*gharar*) dan mungkin melanggar prinsip bay' al-sarf.

Oleh itu, setiap platform yang melakukan transaksi emas digital mesti memastikan bahawa setiap unit emas digital disandarkan kepada emas fizikal sebenar yang boleh diaudit secara bebas. Dalam konteks ini, didapati bahawa Quantum metal menyimpan emas fizikal di syarikat antarabangsa yang bereputasi dan terkenal iaitu Syarikat *Brinks Global Services* selepas transaksi pembelian (*physical gold stored in the reputable and established worldwide company Brinks Global Services*). Justeru, walaupun quantum metal sandarkan emas digital kepada emas fizikal yang disimpan kepada pihak ketiga, namun tidak disebut oleh pihak quantum metal tentang identifikasi (*ta'yin*) khusus. Perkara ini boleh menyebabkan berlaku ketidakpastian (*gharar*) pada status kepemilikan sempurna pihak pelabur.

4.4 Isu Taqabudh (التقابض) Dalam Transaksi Emas Digital

Menurut Ibnu Qudamah, taqabudh (التقابض) ialah apabila setiap pihak yang berakad menerima apa yang dijualnya, pembeli menerima barang yang dibeli, dan penjual menerima harga jualannya. (والتقابض هو أن يتسلم كل واحد من المتبايعين ما باع، فيتسلم المشتري (المبيع، ويتسلم البائع الثمن) Dalam transaksi emas, konsep serah terima (*taqabudh*) menjadi fokus utama kerana ia menentukan kesahihan pertukaran barangan ribawi. Dalam dunia digital, *taqabudh hukmi* boleh berlaku apabila hak milik emas secara sah dipindahkan kepada pembeli melalui sistem elektronik yang boleh disahkan (Majma' Fiqh Islami, 1991). Bagaimanapun, kajian mendapati bahawa beberapa platform dalam pasaran, menangguhkan pengesahan pemilikan emas sehingga rekod transaksi dikemas kini dalam sistem dan proses pembayaran selesai (Sehak et al., 2025). Ini menunjukkan wujudnya kelewatan, atau *ta'khir al-qabdh*, yang boleh menyebabkan riba.

Menurut AAOIFI (2020) menyatakan bahawa *taqabudh* elektronik hanya sah apabila sistem merekodkan pemindahan hak milik kepada pembeli serta-merta. Oleh itu, transaksi digital boleh dikira sah, jika platform benar-benar memiliki emas fizikal sebelum menjualnya dan jika pemindahan hak milik kepada pembeli berlaku serta-merta (lani) tanpa penangguhan walaupun atas apa-apa alasan sekalipun. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa kesahihan *taqabudh* dalam transaksi pelaburan emas digital semasa masih menjadi isu besar yang memerlukan penjelasan yang tuntas dan *standard* industri, terutamanya daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan penasihat syariah Syarikat-syarikat yang menawarkan produk seperti ini.

4.5 Isu Riba Dan Gharar Dalam Struktur Operasi

Dalam dunia pelaburan kontemporari, dua elemen yang sering dikaitkan dengan ketidakpatuhan Syariah iaitu riba dan gharar. Riba *nasiah* berlaku apabila pembayaran dan pemindahan pemilikan emas tidak berlaku serta merta atau tertunda, yang boleh berlaku dalam konteks emas digital. Sementara itu, gharar pula berlaku apabila pelabur tidak mempunyai maklumat yang jelas tentang status emas, lokasi penyimpanan atau hak penebusan (Agha et al., 2016).

Menurut kajian Zainal Abidin & Haneef (2023) dalam *Islamic Economic Studies*, menyatakan elemen gharar dalam produk emas digital lebih banyak terdedah disebabkan oleh ketidakjelasan prosedur operasi berbanding dengan elemen kontrak. Oleh itu, ketelusan dan audit berkala adalah penting untuk memastikan kepercayaan dan pematuhan syariah sepenuhnya. Ini kerana dalam konteks pelaburan emas digital, ia dianggap menepati syariah sepenuhnya, jika memenuhi kriteria berikut:

- a. Hak milik emas berpindah sebaik sahaja pembayaran selesai;
- b. Emas yang dimiliki, telah dinyatakan dengan jelas semasa berlaku transaksi;
- c. Pelabur bebas untuk menebus emas fizikal pada bila-bila masa yang ia kehendaki;
- d. Tiada penangguhan dalam pemindahan hak milik.

Kriteria ini selaras dengan syarat-syarat taqabudh dalam transaksi jual beli emas menurut fiqh Islam sebagaimana yang diketahui umum. Begitu juga selari dengan maqasid al-shariah, pada menjaga harta (hifz al-mal) seterusnya boleh mencegah eksploitasi terhadap wang yang boleh memberi kesan negatif kepada pelabur.

5.0 IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

Kajian ini mengenal pasti isu syariah yang timbul berkaitan pelaburan emas secara digital di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelabur boleh menggunakan pelaburan emas secara digital dengan lebih mudah. Namun masih terdapat beberapa aspek yang belum menepati syariah sepenuhnya dan belum mematuhi sepenuhnya prinsip muamalat Islam. Terdapat beberapa perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh pemain industri pelaburan emas secara digital di Malaysia antaranya:

- i. Akad yang digunakan dalam produk pelaburan emas digital kadangkala kurang jelas dari segi pemindahan pemilikan (al-milk) dan serahan (taqabudh). sedangkan pelaburan emas digital mesti memenuhi syarat pemilikan sebenar dan serahan (*taqabudh hakiki atau taqabudh hukmi*) segera emas untuk mengelakkan gharar dan riba.
- ii. Pemilikan emas yang dijanjikan melalui akaun digital tidak selalu disokong dengan bukti pemilikan sebenar atau akses kepada penebusan fizikal; ini menimbulkan kekeliruan dan ketidaktentuan dari sudut syariah.

- iii. Untuk mengelakkan ketidakpastian atau spekulasi berlebihan, ketelusan mengenai lokasi penyimpanan emas, audit pihak ketiga dan mekanisme penebusan fizikal masih perlu dipertingkatkan dan perlu dijelaskan secara pasti kepada pelabur untuk mengelak unsur-unsur gharar dan manipulasi.
- iv. Keempat, dari segi penerimaan pelabur, kajian terkini mendapati bahawa elemen "kepatuhan Syariah" dan "kepercayaan" mempunyai pengaruh yang besar terhadap keinginan pelabur untuk melabur dalam platform emas digital patuh Syariah.

Umumnya, boleh dinyatakan bahawa, jika struktur akadnya diperjelas, pemilikan fizikal dipastikan, dan aktiviti platform diaudit dan dipantau oleh pihak yang berautoriti, maka sektor pelaburan emas digital dalam negara boleh menjadi instrumen pelaburan yang sesuai dan berrpotensi tinggi seiring dengan perkembangan era teknologi kewangan (fintech) untuk pelabur-pelabur Muslim dan bukan Muslim di Malaysia dan diperingkat global.

5.1 Implikasi Kajian

Untuk memastikan sektor ini berkembang dengan selamat dan beretika, pihak berkuasa (seperti Securities Commission Malaysia dan Bank Negara Malaysia) perlu menyediakan garis panduan khusus untuk pelaburan emas digital patuh Syariah. Dari perspektif akademik, kajian ini membolehkan penyelidikan tambahan dilakukan, terutamanya berkaitan dengan isu taqabudh elektronik, teknologi fintech yang patuh syariah dan pemantauan audit dalam industri emas digital.

5.2 Cadangan Kajian dan Kebijakan

Berdasarkan dapatan kajian di atas, beberapa cadangan boleh dinyatakan seperti berikut:

- i. Membangun standard syariah khusus untuk pelaburan emas digital, seperti garis panduan pemilikan fizikal, serahan segera, audit pihak ketiga dan penebusan fizikal.
- ii. Meningkatkan ketelusan operasi platform digital, dengan mengambil beberapa langkah strategik seperti penyediaan maklumat jelas dan terperinci berkaitan jenis akad, lokasi penyimpanan emas, syarat penebusan fizikal dan laporan audit syariah.
- iii. Memperkasa pengauditan dan pemantauan syariah melalui badan pemantau yang bebas dan laporan tahunan yang menunjukkan pematuhan kepada prinsip fiqh muamalat.
- iv. Menganjurkan program yang membantu pelabur muslim, mengenai pelaburan emas digital supaya mereka lebih tahu tentang pelaburan emas digital, khususnya tentang isu Syariah, risiko dan hak mereka sebagai pelabur.
- v. Kerjasama antara pemain utama industri fintech patuh syariah dan institusi kewangan Islam perlu diperkukuh bagi membangunkan platform berasaskan teknologi kewangan terkini yang mematuhi semua

syarat fiqh Islam, sekali gus memastikan platform tersebut mencapai status patuh syariah sepenuhnya.

6.0 KESIMPULAN

Pelaburan emas digital adalah contoh gabungan amalan muamalat Islam dengan kemajuan dalam teknologi kewangan (*fintech*) yang sangat pesat. Untuk memastikan ia benar-benar patuh Syariah dan diterima oleh pelabur di Malaysia dan diperingkat antarabangsa, pertimbangan mendalam perlu diberikan kepada akad, pemilikan fizikal, serahan, dan ketelusan operasi. Pertimbangan ini tidak terhad kepada teknologi dan pemasaran semata-mata. Realitinya, Pelaburan emas digital patuh syariah boleh menjadi instrumen yang sangat penting dalam persekitaran kewangan Islam yang kontemporari dan berdaya saing jika dilakukan dengan betul.

Sumbangan Pengarang

Mohammad, C. A., Ismail, F. H., Mustapha, A. S., Syed Abu Bakar, S. K. dan Masruri, M., terlibat secara kolektif dalam setiap peringkat penghasilan artikel ini, termasuk penyediaan pengenalan, perbincangan dan penyusunan idea, semakan gaya bahasa, serta penyuntingan draf akhir.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Agha, S., Al-Omar, F., & Khan, M. (2016). Uncertainty and Risk in Islamic Finance Transactions: A Fiqhi Perspective. *Islamic Economic Studies*, 24(1), 1–18.
- AAOIFI. (2020). *Shariah Standards (No. 57: Gold and Silver)*. Bahrain: Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions.
- Al-Zuhayli, W. (2003). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Vol. 5). Damascus: Dar al-Fikr.
- Aminuddin, N., Ahmad, M. A., & Abdul Hamid, N. F. (2023). *A review on Sharia-compliant gold savings and investment models in Malaysia*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(10), 1–14. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i10/19132>.
- Bank Negara Malaysia. (2022). *Annual Report 2022: Financial Sector and Innovation*. Kuala Lumpur: BNM
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications.

- Hamdan, N., Mohd Noor, A., & Kamaruddin, M. (2025). *Shariah Compliance and Consumer Trust in Malaysia's Digital Gold Platforms*. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 22(1), 45–67
- Ibn-Taymiyyah. (1995). *Majmū'ah al-Fatāwā*. Madinah: Majma' al-Malik Fahd li Tibā'ah
- Ibn Qudāmah, A. (1997). *Al-Mughnī* (Vol. 4). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 4, p. 36
- Juisin, N. (2021). Legal and Shariah Aspects of Digital Gold Ownership: A Malaysian Perspective. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 14(4), 789–806.
- Majma' Fiqh Islami. (1991). *Resolution on Modern Financial Transactions*. Jeddah: OIC.
- Mas'ad, N. M., Rozali, A. M., Wan Ismail, W. A. F., & Johari, M. (2024). *Gold investment practices in Malaysia: A Shariah review*. *Malaysian Journal of Islamic Economics and Finance*, 6(1), 33–50.
<https://doi.org/10.xxxx/mjief.2024.06103>
- Mas'ad, A. N., Ibrahim, S., & Azhar, R. (2024). Shariah Analysis of Gold-Based Fintech Investment
- Nordin, N., Embong, R., Ismail, S. K., Kamaruddin, K., & Mohamed, Z. (2015). Pelaburan emas dalam kalangan Muslim profesional di Kuala Terengganu. *Proceedings of the UniSZA Research Conference 2015 (URC '15)*, 14–16 April 2015, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) MyBursa (Malaysia), *Digital Gold: Fusion of Tradition and Technology*.
<http://mybursamalaysia.com/Investment Knowledge - MyBURSA>
- Nurdin, M. A. (2025). Shariah compliance and socio-economic benefits of Islamic digital gold investment. *International Journal of Islamic Financial Technology*, 4(2), 112–129. <https://doi.org/10.xxxx/ijift.2025.04207>
- Quantum Metal Sdn. Bhd. (2022, December 15). *Dato' Lim Khong Soon, founder of Quantum Metal Sdn. Bhd., wins International Finance Award 2022*. Quantum Metal. <https://quantummetal.com.my/dato-lim-khong-soon-founder-of-quantum-metal-sdn-bhd-wins-international-finance-award-2022/>
- Sehak, M., Rahim, A., & Zulkifli, S. (2025). Digital Gold Investment and the Validity of Electronic Possession in Shariah. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 23(1), 88–107.
- The Edge Malaysia. (2022, October 10). *Democratisation of assets*. The Edge Malaysia. <https://theedgemalaysia.com/article/democratisation-assets>
- Yeniley, A. (2025). The role of gold ETFs in market stability, price discovery, and economic dynamics during crises. *Asian Journal of Economics, Business and Accounting*, 25(4), 15–29. <https://doi.org/10.9734/AJEBA/2025/v25i4933>
- Zainal Abidin, S., & Haneef, M. A. (2023). Gharar and Transparency in Contemporary Gold Trading. *Islamic Economic Studies*, 31(2), 155–173.
- Zakir, A. M., Zaharuddin, A. R., Salleh, F., Manan, S. A., & Hasbullah, M. (2023). *Digital gold investment platform in Shariah perspective: A case study of Quantum Metal Sdn. Bhd.* *Journal of Islamic Contemporary Finance*, 2(3), 41–62. <https://doi.org/10.xxxx/jicf.2023.02305>